



جائتہ مفتی نكزري قولاً و قينغ

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG
TINGKAT 48, KOMTAR,
10000 PULAU PINANG

PENANG
2030



Tel : 04-2632975 (Pej. Am)
04-2630634 (Mufti)
04-6505452 (Fatwa)
04-6505453 (Falak)
04-6505454 (Pentadbiran)
Faks : 04-2632985


KENYATAAN RASMI MUFTI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

PENJELASAN MENGENAI PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DAN SOLAT BERJEMAAH DI MASJID/SURAU JUMAAT DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

1. Adalah dimaklumkan bahawa saya bagi pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang telah mengambil maklum tentang perlanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) kepada Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai 10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020 oleh pihak Kerajaan Malaysia akibat penularan wabak COVID-19.
2. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang telah memutuskan;
 - a. Semua aktiviti di masjid dan surau termasuk solat Jumaat, solat berjemaah lima (5) waktu, kuliah, ceramah, majlis akad nikah dan apa jua aktiviti hendaklah ditangguhkan sehingga diisytiharkan keadaan kembali selamat atau apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh pihak Kerajaan Malaysia.
 - b. Sepanjang tempoh tersebut azan lima (5) waktu solat fardu hendaklah diteruskan seperti biasa sebagaimana panduan yang telah diedarkan sebelum ini bertarikh 17 Mac 2020, 26 Mac 2020 dan 15 Mei adalah berkaitan.
 - c. Demi menjaga dan menghidupkan syiar Islam, solat Jumaat di Masjid-masjid dan Surau Jumaat dalam Negeri Pulau Pinang dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) adalah dibenarkan untuk dilaksanakan namun terhad antara dua belas (12) hingga empat puluh (40) orang jemaah sahaja termasuk Pegawai Masjid/Surau dan Ahli Jawatankuasa Kariah Masjid/Surau serta Siak sahaja. Pelaksanaannya adalah mengikut Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang.
 - d. Manakala bagi ahli-ahli Kariah yang tidak terpilih untuk hadir menunaikan solat Jumaat di masjid, mereka adalah tergolong dalam **“golongan yang digugurkan solat Jumaat”** maka hendaklah menunaikan solat Fardu Zuhur di rumah masing-masing setelah solat Jumaat di masjid selesai dilaksanakan.

- e. Kaedah ini hanya terpakai untuk pelaksanaan solat Jumaat semasa tempoh PKPP ini sahaja dan tidak boleh dipakai pada permohonan mendirikan solat Jumaat bagi tempat-tempat yang tidak mencukupi bilangan 40 orang jemaah.
- f. Manakala bagi solat Fardu berjemaah, jumlah ahli Jemaah adalah tidak melebihi lima belas (15) orang dalam satu satu masa serta terhad kepada Ahli Jawatankuasa Masjid dan tidak terbuka kepada umum. Pembukaan ini akan dilakukan secara berperingkat-peringkat berdasarkan kemampuan dan kesediaan masjid untuk menjaga SOP.
- g. Pelaksanaan solat Jumaat dan solat berjemaah ini hendaklah mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang sebagai langkah mencegah sebarang jangkitan COVID-19 daripada terus merebak.
- h. Perlanjutan atau penamatan tempoh PKPP ini tertakluk kepada nasihat dan pandangan Majlis Keselamatan Negara, Negeri Pulau Pinang.
- i. Semua umat Islam dinasihatkan untuk memperbanyakkan ibadah di rumah masing-masing secara berjemaah dengan ahli keluarga di samping melaksanakan Qunut Nazilah, Solat Hajat dan membaca doa menghindarkan bala bagi memohon keselamatan dan kesejahteraan untuk semua.

Sekian, dimaklumkan.



DATU' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang

10 Jun 2020 / 18 Syawal 1441